

# Siasatan polis tentukan nasib: PM

**Sepang:** Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata taraf penduduk tetap (PR) penceramah bebas, Dr Zakir Naik boleh ditarik jika terbukti beliau melakukan sesuatu yang mengancam kesejahteraan negara ini.

Perdana Menteri menjelaskan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ketika ini sedang menyasiat perkara ini.

“Beliau (Dr Zakir) mempunyai taraf penduduk tetap. Kita boleh tarik taraf itu sekiranya beliau melakukan sesuatu yang mengancam kesejahteraan negara ini. Kita sedang menyasiat sama ada beliau melakukannya atau tidak. Sudah pasti jika benar beliau melakukannya, adalah perlu untuk kita menarik balik status PR itu.

“Dalam hal itu, sudah pasti kita akan ambil tindakan untuk menghalang beliau daripada membuat sebarang ucapan provokatif yang melaga-lagakan perbezaan antara satu sama lain. Kita serahkan kepada polis untuk menyasiat tahap keseriusan

kenyataan beliau,” katanya selepas melawat Ibu Pejabat AirAsia RedQ, di sini, semalam.

Pendakwah itu didakwa memberikan kenyataan kontroversi terhadap kaum Cina di negara ini sebagai kenyataan balas kepada pihak yang mengarahkannya supaya keluar dari Malaysia.

Zakir dalam satu syarahan di Kelantan pada Khamis lalu, juga didakwa mengeluarkan kenyataan mengaitkan penganut Hindu di negara ini lebih percaya kepada Perdana Menteri di India berbanding Dr Mahathir.

Di **Kangar**, Ketua Polis Perlis, Datuk Noor Mushar Mohd, menasihati penganjur program Malaysia Reverts Camp yang dijadual berlangsung selama tiga hari bermula semalam di negeri itu, membatalkan slot Dr Zakir dan anaknya, Fariq Naik, atas faktor keselamatan.

Katanya, saranan yang dipersetujui oleh penganjur itu, bertujuan meredakan keadaan se-

*"Dalam hal itu, sudah pasti kita akan ambil tindakan untuk menghalang beliau daripada membuat sebarang ucapan provokatif yang melaga-lagakan perbezaan antara satu sama lain. Kita serahkan kepada polis untuk menyasiat tahap keseriusan kenyataan beliau.*

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

masa yang dilihat tegang berikutan kenyataan penceramah bebas itu disalahgunakan pihak tertentu.

Sementara itu, Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, berkata semua pihak perlu menyerahkan segala kenyataan atau keputusan yang membabitkan penceramah kontroversi dari India itu kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata, suasana ketika ini menjadi kusut kerana semua pihak dilihat mengeluarkan kenyataan.

Katanya, keadaan jadi tidak terkawal apabila semuanya bercakap tanpa ada garis panduan atau satu keputusan yang jelas berhubung isu Dr Zakir.

“Perdana Menteri (Dr Mahathir) sudah memberikan kenyataannya mengenai isu Dr Zakir tetapi masih ada menteri Kabinet yang berbeza pandangan.

“Sepatutnya itu (kenyataan Dr Mahathir) dijadikan pegangan atau keputusan kerana itu adalah keputusan yang tertinggi,” katanya.